

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA



**PERSEPSI DAN PENERIMAAN IBU BAPA
TERHADAP PENDIDIKAN SEKS DALAM
KALANGAN REMAJA DI SEKOLAH SEKITAR
KOTA BHARU, KELANTAN**

Oleh

JOANITAH BINTI JOSEPH


**Disertasi yang diserahkan untuk memenuhi
sebahagian daripada syarat untuk
penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Sains Kesihatan
(Kejururawatan)**

April 2008

SIJIL AKU JANJI

Diperakui bahawa disertasi yang bertajuk *Persepsi dan Penerimaan Ibu Bapa Terhadap Penawaran Pendidikan Seks dalam Kalangan Remaja Di Sekolah Sekitar Kota Bharu, Kelantan* merupakan kerja dan penyelidikan yang asli dari *Joanifah binti Joseph (81530)* dari tempoh Julai 2007 hingga April 2008 adalah di bawah penyeliaan saya. Disertasi ini merupakan sebahagian daripada syarat untuk penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Kesihatan (Kejururawatan). Segala hasil penyelidikan dan data yang diperolehi adalah hak milik Universiti Sains Malaysia.

Penyelia Utama



Prof. Madya Siti Hawa Ali,

Penyelia Utama,

Pusat Pengajian Sains Kesihatan,

Universiti Sains Malaysia,

Kampus Kesihatan,

16150 Kubang Kerian, Kelantan.

Tarikh: 04 Mei 2008

PENGHARGAAN

Salam sejahtera sebagai pembuka kata. Terlebih dahulu, sebelum saya meneruskan kata penghargaan saya ingin mengucapkan syukur kepada Tuhan atas segala kekuatan dan keajaiban yang dikurniakan kepada saya agar terus berdiri menyiapkan tugas disertasi ini. Sebagai insan yang biasa, saya cukup lemah untuk menghadapi kesukaran tetapi dengan adanya kuasa yang Maha Esa, maka saya dapat menamatkan tugas terakhir saya sebagai pelajar Kejururawatan di Pusat Pengajian Sains Kesihatan.

Terima kasih saya yang tidak terhingga kepada penyelia saya, Prof. Madya Siti Hawa Ali atas segala tunjuk ajar, teguran membina serta panduan untuk saya melengkapkan dan membaiki setiap kekurangan yang ada dalam proses penyiapan tugas ini. Karisma dan kata-kata beliau serta kesanggupan beliau meluangkan masa dalam kesibukan menyebabkan saya sentiasa percaya bahawa beliau akan membantu saya dalam jatuh bangun menghabiskan tanggungjawab saya yang satu ini.

Tidak pernah saya lupakan, Cik Norazliah Hj. Samsudin yang merupakan penyelaras projek penyelidikan program Kejururawatan tahun empat. Beliau sentiasa ada untuk membantu menyelesaikan segala kekusutan yang saya hadapi, merungkaikan jalan yang patut diambil dalam menghadapi kesukaran dalam menjalankan kajian ini.

Juga kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan dan pengetua SMK Sultan Ismail, SM Dato' Ahmed Maher, SMK Zainab 2 dan juga SMK Kubang Kerian 2, terima kasih tidak terhingga kerana memudahkan tugas kajian yang saya ini.

Penghargaan saya kepada rakan-rakan saya atas bantuan yang tidak mengharapkan balasan. Saudari Azlidai Ismail, rakan yang sentiasa mendengar rintihan saya serta menadah bahu untuk menenangkan gejolak perasaan sedih saya dalam menyelesaikan tugas ini. Saudari Kasmaliza Mohamed yang sentiasa meluangkan masa untuk memberi tunjuk ajar kepada saya walaupun sentiasa sibuk dengan tugas yang sama. Saudari Wan Arfah Nadiah yang tidak jemu menjawab segala soalan yang sentiasa saya utarakan, Saudari Nur As-Saleha bt Zainal Abidin yang sentiasa bersabar untuk menerangkan segala ketidafahaman saya dalam mencari jawapan dalam projek kajian ini serta Saudari Siti Hajar Ali yang banyak memberikan saya idea dalam memulakan proses analisis kajian ini. Tersemat di hati, ucapan terima kasih saya kepada rakan-rakan seperjuangan Kejururawatan Tahun Empat kerana perhatian yang diberi. Terima kasih sahabat, semoga Tuhan memberkati bantuan yang telah anda semua hulurkan kepada saya.

Sebagai tulang belakang, keluarga saya memberikan cukup banyak perhatian terhadap kesusahan yang saya hadapi. Puan Chang Choi Kiaw, Encik Joseph Siong, Puan Joanah Joseph, Encik Mohd. Fikri @ Jonius A. Joseph, Encik Jomius Joseph, Cik Joanisah Joseph dan yang saya hargai Encik Reynold Vicente yang tidak pernah putus memberikan harapan kepada saya. Tanpa mereka, tiada maknanya saya terus berada di sini, kerana mereka jugalah saya berada di tahap ini.

Semoga Tuhan memberkati anda semua. Salam.

SUSUNAN KANDUNGAN

Muka Surat

SIJIL AKU JANJI.....	ii
PENGHARGAAN.....	iii
SUSUNAN KANDUNGAN.....	v
SENARAI JADUAL.....	ix
SENARAI RAJAH.....	x
ABSTRAK.....	xi

BAB 1: PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian.....	1
1.2 Pernyataan Masalah.....	3
1.3 Objektif Kajian.....	4
1.3.1 Objektif Umum.....	4
1.3.2 Objektif Spesifik.....	4
1.4 Persoalan Kajian.....	4
1.5 Hipotesis.....	5
1.6 Definisi Istilah.....	5
1.7 Kepentingan Kajian.....	7

BAB 2: TINJAUAN BACAAN

2.1 Kegiatan Seksual Remaja dan Implikasi	9
2.2 Komponen Pendidikan Seks.....	10
2.3 Kepentingan Pendidikan Seks.....	12
2.4 Persepsi dan kepercayaan ibu bapa terhadap pendidikan seks	12

SUSUNAN KANDUNGAN (sambungan)

Muka surat

2.5	Penerimaan Pendidikan Seks.....	13
2.6	Faktor Halangan Dalam Pendidikan Seks.....	14
2.7	Kerangka Teori/Konsep Kajian.....	15
BAB 3: METODOLOGI PENYELIDIKAN		
3.1	Reka Bentuk Kajian.....	20
3.2	Populasi dan Lokasi Kajian.....	20
3.2.1	Populasi Kajian.....	20
3.2.2	Lokasi Kajian	21
3.3	Sampel Kajian.....	21
3.3.1	Saiz Sampel.....	21
3.3.2	Corak Pensampelan.....	22
3.3.3	Kriteria Penerimaan dan Penolakan	22
3.4	Instrumen Kajian.....	23
3.4.1	Instrumen.....	23
3.4.2	Penterjemahan Instrumen.....	24
3.4.3	Kesahihan dan Kebolehpercayaan.....	24
3.5	Pertimbangan Etika.....	24
3.6	Kaedah Pengumpulan Data.....	25
3.6.1	Carta Alir Pengumpulan Data.....	26
3.7	Pengukuran Pembolehubah dan Analisis Data	27
BAB 4: KEPUTUSAN		
4.1	Pengenalan	28
4.2	Analisis data demografi ibu bapa	29

SUSUNAN KANDUNGAN (sambungan)

Muka Surat

4.3 Analisis persepsi ibu bapa terhadap pendidikan seks ...	34
4.4 Analisis faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi ibu bapa terhadap pendidikan seks	40
4.5 Analisis penerimaan ibu bapa terhadap topik yang ditawarkan dalam pendidikan seks dalam kalangan remaja	42
4.6 Analisis perkaitan antara persepsi dengan penerimaan ibu bapa terhadap pendidikan seks dalam kalangan remaja di sekolah	49
BAB 5: PERBINCANGAN	
5.1 Pengenalan	50
5.2 Data demografi ibu bapa	50
5.3 Persepsi ibu bapa terhadap pendidikan seks	52
5.4 Faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi	56
5.5 Penerimaan ibu bapa terhadap topik yang ditawarkan dalam pendidikan seks	58
5.6 Perkaitan antara persepsi dengan penerimaan ibu bapa terhadap pendidikan seks dalam kalangan remaja	62
BAB 6: KESIMPULAN DAN CADANGAN	
6.1 Kesimpulan.....	64
6.2 Kekuatan dan Limitasi	66
6.3 Implikasi dan Cadangan.....	67
6.3.1 Praktis Kejururawatan.....	67

SUSUNAN KANDUNGAN (sambungan)

Muka Surat

6.3.2 Pendidikan Kejururawatan.....	68
6.3.3 Penyelidikan Kejururawatan.....	68
6.4 Relevansi Teori terhadap penyelidikan yang dijalankan	70
SENARAI RUJUKAN	74
LAMPIRAN	
Lampiran A: Borang Maklumat dan Keizinan Responden	79
Lampiran B: Soalan Kajian Soal Selidik.....	85
Lampiran C: Surat Permohonan Kelulusan Etika	90
Lampiran D: Surat Memohon Kebenaran Kajian	93
Lampiran E: Surat Kelulusan Kementerian Pelajaran Malaysia...	95
Lampiran F: Surat Kelulusan Jabatan Pelajaran Negeri	97

SENARAI JADUAL

	Muka surat
Jadual 4.2.1	Frekuensi dan peratus jantina responden 29
Jadual 4.2.2	Frekuensi dan peratus umur responden 29
Jadual 4.2.3	Frekuensi dan peratus tahap pendidikan responden 30
Jadual 4.2.4	Frekuensi dan peratus agama responden 31
Jadual 4.2.5	Frekuensi dan peratus kumpulan etnik responden ... 31
Jadual 4.2.6	Frekuensi dan peratus pekerjaan responden 32
Jadual 4.2.7	Frekuensi dan peratus bilangan anak lelaki responden yang bersekolah menengah 32
Jadual 4.2.8	Frekuensi dan peratus bilangan anak perempuan responden yang bersekolah menengah 33
Jadual 4.3.1	Frekuensi dan peratusan terhadap penilaian persepsi responden 34
Jadual 4.4.1	Perhubungan antara data demografi dengan persepsi 40
Jadual 4.5.1	Frekuensi dan peratus terhadap penilaian penerimaan responden terhadap topik-topik yang ditawarkan dalam pendidikan seks 42
Jadual 4.6.1	Perkaitan antara persepsi dan penerimaan ibu bapa terhadap pendidikan seks 49

SENARAI RAJAH

	Muka surat
Rajah 2.6.1 Model Promosi Kesihatan Pender	17
Rajah 3.6.1 Carta Aliran Pengumpulan Data	26
Rajah 4.3.1 Histogram frekuensi persepsi ibu bapa terhadap pendidikan seks	39
Rajah 4.5.1 Histogram frekuensi penerimaan ibu bapa terhadap pendidikan seks	48
Rajah 6.4.1 Relevansi Teori terhadap Penyelidikan	70

PERSEPSI DAN PENERIMAAN IBU BAPA TERHADAP PENAWARAN PENDIDIKAN SEKS DALAM KALANGAN REMAJA DI SEKOLAH

ABSTRAK

Kajian ini adalah untuk mengkaji dan mengenalpasti persepsi ibu bapa terhadap pendidikan seks dan penerimaan mereka terhadap subjek pendidikan seks dalam kalangan remaja di sekolah. Subjek mengenai pendidikan seks telah lama menjadi satu isu hangat namun kajian mengenai pandangan dan persepsi ibu bapa terhadap pendidikan seks di Malaysia belum pernah dijalankan lagi seperti yang telah dilaksanakan di negara luar. Kajian ini mengambil beberapa pengukuran item dan kaedah yang telah digunakan oleh pengkaji terdahulu di luar negara.

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang mendapat seramai 99 orang responden yang merupakan ibu bapa kepada pelajar sekolah terpilih di Kota Bharu dan menggunakan kaedah persampelan secara rawak. Empat buah sekolah yang terpilih daripada senarai sekolah menengah yang diberikan oleh Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan. Kaedah pengumpulan data adalah menggunakan borang soal selidik yang mengkaji persepsi dan penerimaan ibu bapa terhadap pendidikan seks dengan nilai aras keyakinan kajian $\alpha=0.05$.

Hasil daripada kajian ini mendedahkan bahawa majoriti ibu bapa mempunyai perspektif yang positif terhadap pendidikan seks (70.7%) manakala selebihnya memilih 'neutral' sebagai jawapan. Daripada analisis yang dijalankan terhadap faktor sosio-demografi, hanya umur dan bilangan anak lelaki yang bersekolah menengah sahaja yang mempunyai perkaitan dengan

persepsi dengan nilai p untuk umur ialah $p=0.019$ manakala nilai p untuk bilangan anak lelaki yang bersekolah menengah ialah $p=0.029$. Persepsi dengan penerimaan mempunyai korelasi ($p=0.000$) dan kebanyakan ibu bapa bersetuju dengan topik yang mendedahkan remaja terhadap kesedaran HIV/AIDS serta penyakit tularan seks yang lain.

Sebagai kesimpulannya, persepsi ibu bapa terhadap pendidikan seks haruslah di ambil berat agar penawaran pendidikan seks dalam kalangan remaja di sambut baik oleh ibu bapa demi kesejahteraan kesihatan remaja. Pendapat ibu bapa mengenai topik-topik yang sepatutnya ditawarkan dalam pendidikan seks tidak sepatunya di ambil ringan. Selain daripada itu, maklumat mengenai pendidikan seks, kebaikan pendidikan seks serta kandungan pendidikan seks seharusnya mendapat perhatian meluas serta sebagai satu informasi penting kepada masyarakat agar mereka mengetahui apakah pendidikan seks yang sebenar.

PARENTS' PERCEPTION AND ACCEPTION TOWARDS THE INTRODUCTION OF SEX EDUCATION AMONG TEENAGERS IN SCHOOL

ABSTRACT

This study is done to analyze and determine parents' perception and acceptations towards the introduction of sex education among teenagers in school. The discourse of sex education has long been a controversial topic among Malaysians but none of the studies has been done to include parents' perception.

This study is a quantitative study that obtained 99 respondents that are the parent of the school teenagers from the selected schools in Kota Bharu, Kelantan. Four schools have been chosen by the Kelantan Education Department to be participating in this study. The data collection was a random sampling that using questionnaire to evaluate the parent perception and acceptance towards sex education. The significance level for this study is $\alpha=0.05$.

This study has exposes that majority of parents have positive perception towards sex education (70.7%) while only 29.3% of the parents' chose 'neutral' as an answer. The data analysis to correlate between socio-demographic status of the parents' and perception towards sex education only show a positive correlation between the parent age and the number of their boys that are schooling in high school. The p value of correlation between parents' age and perception is $p=0.019$ while correlation between numbers of their boys schooling in high school is $p=0.029$. The p value of correlation between parent

perception and acceptance towards sex education is $p=0.000$, and have a positive correlation. The most accepted topic in sex education is HIV/AIDS and sexually transmitted disease to be taught to the high school-teenagers.

As a conclusion, parents' perception towards sex education should be more concern so that the discourse of sex education in school being well accepted by the parent. This will contribute to the well-being of teenagers. The good information and spreading of information about sex education should be more available to the public to raise awareness about the important of sex education in teenagers.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Remaja merupakan satu fasa yang kehidupan kritikal dalam perkembangan insan, terutamanya daripada perspektif kesihatan dan juga sosial. Salah satu aspek yang amat mencabar dalam peralihan remaja ke alam dewasa adalah mengenai aspek kesihatan seksual dan reproduktif. Hal ini adalah berkaitan dengan kesukaran dalam mengekalkan kesihatan remaja serta mengimplimentasikan intervensi yang sesuai dan efektif di kalangan golongan ini (WHO: Western Pacific Region 2005). Dalam pada itu, intervensi seperti Pendidikan Seks menimbulkan pelbagai reaksi daripada banyak pihak.

Pendidikan seks dianggap sebagai 'taboo' ataupun suatu topik yang menjadi suatu 'pantang larang' sosial yang tidak boleh dibicarakan secara terbuka. Namun, hakikatnya pendidikan seks merupakan suatu elemen yang penting dalam menangani isu seperti HIV, AIDS, kehamilan remaja luar perkahwinan(*pre-marital marriage*), pengguguran tidak sah serta banyak lagi isu yang berkaitan dengan kesihatan sosial dan reproduktif remaja.

Penafian dalam membicarakan topik ini adalah kerana ramai yang mempercayai bahawa pendidikan seks merupakan suatu pendidikan yang mengajar mengenai praktis seks. Pendedahan mengenai pendidikan seks di Malaysia mendapat tentangan hebat daripada ibu bapa serta pembimbing agama. Salah faham juga timbul di kalangan Persatuan Ibu Bapa dan Guru apabila mereka mempercayai bahawa pendidikan seks akan menggalakkan aktiviti seks. Manakala ketua-ketua agama dengan tegas menentang untuk

membicarakan mengenai hubungan antara lelaki dan wanita disebabkan oleh larangan agama (Country Profile: Malaysia 2000).

Namun, kajian yang dilakukan oleh Kirby et. al pada tahun 2006 mendapati bahawa pendidikan seks tidak menggalakkan aktiviti seks di kalangan remaja, sebaliknya dapat melambatkan penglibatan remaja dalam aktiviti seks. Kajian ini juga mendapati bahawa program pendidikan seks dan HIV membawa lebih banyak impak positif (2/3 daripada keseluruhan kajian yang telah dijalankan di seluruh dunia) berbanding impak negatif perlaksanaannya.

Malaysia merupakan salah satu negara yang menandatangani Program Bertindak Persidangan Antarabangsa Kependudukan dan Pembangunan (ICPD) pada tahun 1994. Program ini memperakui betapa pentingnya kesihatan reproduktif remaja pada dan belia negara (Modul Kesihatan Reproduksi Remaja, 2000). Namun, penggubal undang-undang di Malaysia juga bersetuju untuk mengecualikan sesiapa yang belum berkahwin untuk mendapat hak pengetahuan dalam kesihatan reproduktif kerana ianya berkaitan dengan aktiviti seks. Mereka yang telah berkahwin sahaja yang berhak untuk terlibat dalam aktiviti seksual (Country Profile: Malaysia, 2000).

1.2 Pernyataan Masalah

Sama seperti di kebanyakan bahagian dunia, bilangan golongan muda di Malaysia dengan jangkitan HIV meningkat setiap tahun. Perangkaan bulan Disember 2006 mendedahkan bahawa 36% jangkitan ini adalah dalam kalangan umur antara 13 hingga 29 tahun. Di Malaysia, peningkatan jangkitan HIV dalam kalangan remaja adalah berkaitan dengan tingkahlaku remaja seperti penyalahgunaan dadah (Unicef Malaysia 2007). Walaupun 73% daripada jumlah kes yang dilaporkan adalah disebabkan oleh pengguna dadah suntikan, namun kebimbangan tentang tularan heteroseksual semakin meningkat (Unicef Malaysia 2006).

Unicef Malaysia mula mencabar stigma dan diskriminasi terhadap isu HIV/AIDS dengan menggunakan pelbagai sumber. Menurut laporan *Country Profile: Malaysia* tahun 2000, terdapat salah faham mengenai pendidikan seks di sekolah. Namun, belum ada kajian yang dijalankan untuk mengenalpasti persepsi ibu bapa terhadap pendidikan seks itu sendiri. Oleh sebab itu, kajian ini penting untuk mengenalpasti persepsi ibu bapa terhadap pendidikan seks serta penerimaan mereka terhadap pendidikan seks di kalangan remaja di sekolah sekiranya subjek ini dilaksanakan di sekolah.

Bagi menjalankan kajian ini, Model Promosi Kesihatan Pender akan digunakan untuk mengenalpasti persepsi ibu bapa mengenai pendidikan seks yang akan mempengaruhi pembentukan polisi serta kurikulum yang mempunyai komponen pendidikan seks itu sendiri. Model ini menerangkan bagaimana proses biopsikososial yang kompleks boleh memotivasikan atau menghalang individu untuk beradaptasi dan menerima tingkahlaku kesihatan

yang boleh menyumbang kepada kesejahteraan kesihatan mereka (Srof & Velsor 2006).

1.3 Objektif Kajian

1.3.1 Objektif umum

Mengenalpasti perkaitan antara persepsi dengan penerimaan ibu bapa terhadap pendidikan seks di sekolah.

1.3.2 Objektif spesifik:

- (1) Mengenalpasti persepsi ibu bapa terhadap pendidikan seks.
- (2) Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi ibu bapa terhadap pendidikan seks di sekolah seperti jantina, umur, tahap pendidikan, agama, kumpulan etnik ibu bapa, pekerjaan ibu bapa serta bilangan anak lelaki dan perempuan yang bersekolah menengah.
- (3) Mengenalpasti perkaitan antara persepsi dengan penerimaan ibu bapa terhadap pendidikan seks.

1.4 Persoalan Kajian

1. Apakah persepsi ibu bapa terhadap pendidikan seks?
2. Apakah faktor yang mempengaruhi persepsi ibu bapa terhadap pendidikan seks?
3. Adakah persepsi ibu bapa akan mempengaruhi penerimaan mereka terhadap pendidikan seks di sekolah?

1.5 Hipotesis Kajian

1.5.1 H₀: Persepsi ibu bapa tidak dipengaruhi oleh faktor sosio-demografi mereka.

H_A: Persepsi ibu bapa dipengaruhi oleh status sosio-demografi mereka.

1.5.2 H₀: Persepsi ibu bapa tidak mempengaruhi penerimaan mereka terhadap pendidikan seks dikalangan remaja di sekolah.

H_A: Persepsi ibu bapa akan mempengaruhi penerimaan mereka terhadap pendidikan seks remaja di sekolah.

1.6 Definisi Istilah

1.6.1 Persepsi

Persepsi merupakan satu proses dimana organisma menafsir dan menyusun stimuli menjadi suatu pengalaman yang bermakna terhadap organisma tersebut. Persepsi manusia bermakna proses dimana stimuli sensori diolah kepada suatu pengalaman yang tersusun. Menurut buku psikologi bertajuk *Introduction to Psychology*, kedua-dua faktor genetik dan juga proses pembelajaran mempengaruhi persepsi (Smith et. al 2003).

1.6.2 Pendidikan

Menurut laman web *Teacher's Mind Resource* (2002), maksud pendidikan ialah satu proses mengajar. Kata akarnya 'didik' di mana ianya merupakan satu cara untuk membentuk pengetahuan, kemahiran ataupun karakter. Tujuan pendidikan adalah untuk mencapai matlamat pendidikan

(membentuk pengetahuan, kemahiran ataupun karakter) manakala fungsi pendidikan ditafsirkan sebagai hasil daripada pendidikan itu sendiri.

1.6.3 Seks

Menurut *Stedman's Medical Dictionary for the Health Professions and Nursing* (2005), definisi seks ialah karakter biologi atau kualiti yang membezakan lelaki dan wanita. Ini dibezakan melalui menganalisis ciri-ciri gonad, morfologi, kromosom dan juga perbezaan ciri-ciri hormon yang dihasilkan oleh lelaki dan wanita.

Ensiklopedia Wikipedia mendefinisikan perkataan 'seks' sebagai elemen biologi dan reproduksi, iaitu lelaki dan wanita dari aspek tersebut. Seks terhadap individu hanya menerangkan fungsi biologi dan reproduksi, bukannya dari segi seksualiti ataupun tingkahlaku seks (Wikipedia 2007).

1.6.4 Pendidikan seks

Pendidikan seks disegregasikan kepada tiga komponen iaitu pertama: mengenai anatomi, fisiologi dan biologi. Kedua: aspek reproduktif dan kekeluargaan dan ketiga: mengenai hubungan antara wanita dan lelaki (bukan dari segi aktiviti seks) (Smith, Kippax & Aggleton 2000).

Manakala menurut pendapat umum ensiklopedia Wikipedia, pendidikan seks didefinisikan sebagai pendidikan yang mengandungi komponen seperti anatomi manusia, fungsi reproduksi dan juga hubungan antara lelaki dan wanita (Wikipedia 2007).

1.6.5 Remaja

Concise Oxford Dictionary (2002) mendefinisikan 'remaja' sebagai individu yang berumur antara 13-19.

Remaja juga merupakan satu fasa di mana mereka mendapat banyak tekanan daripada rakan sebaya, ibu bapa dan masyarakat sekeliling mereka. Fasa remaja juga merupakan fasa yang akan membentuk identiti mereka dan salah satu aspek penting dalam fasa ini ialah perkembangan aspek seksual mereka dan kematangan ciri-ciri seks sekunder (Nelms 2003).

1.6.6 Skala Likert

Skala Likert dinamakan oleh Rensis Likert (1932) yang digunakan untuk pengukuran psikometrik. Apabila responden menjawab soalan yang menggunakan skala Likert, responden akan memberikan respon merujuk kepada tahap persetujuan mereka terhadap isu yang ditanya (Wikipedia 2007).

Skala Likert 5-point merupakan skala yang biasanya digunakan. Dengan menggunakan skala Likert 5-point, skala akan dilabel dengan sangat setuju, agak setuju, neutral, agak tidak setuju dan sangat tidak setuju (Sclove 2001).

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting dalam menilai dan mengenalpasti persepsi ibu bapa terhadap pendidikan seks dikalangan remaja. Menurut *Country Profile:Malaysia 2000*, terdapat salah sangka yang timbul dalam kalangan Persatuan Ibu Bapa dan Guru yang menyatakan bahawa pendidikan seks akan menggalakkan penglibatan remaja dalam aktiviti seks. Laporan artikel ini juga menyatakan bahawa pendidikan seks akan mengajar mengenai praktis seks.

Namun, kajian yang dilakukan oleh Kirby et al. (2006) yang bertajuk *Sex and HIV Education Programs: Their Impact on Sexual Behaviors of Young People throughout the World* mendapati bahawa pendidikan seks membawa kesan positif seperti remaja menghalang remaja terlibat dalam aktiviti seks pada usia awal (*delayed sex activity*). Kajian ini juga menekankan bahawa pendidikan seks tidak menggalakkan penglibatan remaja dalam kegiatan seks seperti yang ditakuti oleh kebanyakan orang, selain daripada mengurangkan angka remaja yang mendapat jangkitan penyakit tularan seks (*sexually transmitted disease*) serta kehamilan luar perkahwinan dikalangan remaja.

Masyarakat di Malaysia inginkan remaja bebas daripada kegiatan seks sebelum berkahwin, namun kurangnya kajian untuk menilai dan mengenalpasti persepsi ibu bapa mengenai pendidikan seks menyebabkan usaha untuk membetulkan salah faham yang timbul dikalangan ibu bapa tidak dapat dilakukan.

Berikutan dengan itu, kajian ini penting bagi mengetahui persepsi ibu bapa mengenai pendidikan seks dikalangan remaja di sekolah. Hasil daripada kajian ini berguna untuk mengenalpasti faktor yang akan menjadi faktor penerimaan pendidikan seks di sekolah yang merupakan salah satu subjek penting bagi menjamin kesejahteraan kesihatan seks dan reproduktif remaja di Malaysia.

Selain daripada itu, kajian ini penting bagi menyediakan satu informasi mengenai persepsi ibu bapa dan sekiranya benar ibu bapa mempunyai persepsi yang salah mengenai pendidikan seks, informasi daripada hasil kajian ini dapat digunakan untuk membetulkan salah faham tersebut.

BAB 2

SEMAKAN BACAAN

2.1 Kegiatan Seksual Remaja dan Implikasi

Kebanyakan dunia membangun pada masa kini menunjukkan peningkatan kelewatan perkahwinan yang menyebabkan meningkatnya risiko remaja yang terlibat dengan seks dan kehamilan sebelum berkahwin serta beberapa jenis penyakit tularan seks dikalangan mereka yang aktif seks sebelum berkahwin (Kirby, Laris dan Lori 2006).

Laporan daripada *Sexual & Reproductive Health of Adolescent & Youth in Malaysia* (2005) menyatakan bahawa umur termuda yang didapati remaja terlibat dengan kegiatan seks ialah seawal 9 tahun dan frekuensi umur tertinggi ialah pada usia 17-18 tahun.

Kajian tingkahlaku lepak dikalangan remaja yang dijalankan pada tahun 1994 mendapati 18% daripada 6110 responden remaja mempunyai pengalaman melakukan hubungan seks bebas (75.1% berumur 16-21 tahun). Manakala satu kajian lain mengenai remaja dan AIDS yang dijalankan pada tahun 1996 ke atas 4347 orang remaja awam yang berumur antara 13-25 tahun mendapati 6% pernah melakukan seks bebas, 5% pernah terlibat dengan penagihan dadah dan 31% pula merokok (PROSTAR n.d).

AIDS ataupun *Acquired Immune Deficiency Syndrome* merupakan satu penyakit berbahaya yang menjadi satu penyakit epidemik. Ketiadaan vaksin dan ubat untuk menghapuskan penyakit ini menyukarkan lagi usaha mengawal wabak HIV/AIDS di negara ini. Kes pertama HIV dilaporkan di Malaysia ialah

pada tahun 1986. Sejak itu jumlah kes HIV yang dilaporkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bertambah setiap tahun.

Sehingga tahun 2004, sebanyak 64,439 kes HIV dilaporkan di Malaysia (Unicef Malaysia 2004). Menurut Duta HIV/AIDS, Cassandra Daniels, Malaysia juga dirujuk sebagai negara ke-5 statistik tertinggi yang mempunyai kadar epidemik HIV (Unicef Malaysia 2005).

Berdasarkan statistik Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), lebih 40% daripada mereka yang dijangkiti HIV terdiri daripada golongan remaja yang berumur bawah 29 tahun. Jangkitan HIV yang dilaporkan berkait rapat dengan tingkahlaku dan cara hidup individu. Dua cara jangkitan utama yang dikenalpasti adalah melalui hubungan seks dan perkongsian jarum suntikan dadah.

Terkini, statistik bulan Disember 2006 daripada kementerian kesihatan menyatakan bahawa 36% daripada jangkitan ini adalah dikalangan umur 13 hingga 29 tahun. Kemungkinan orang yang dijangkiti HIV sebelum usia 30 tahun telahpun dijangkiti dalam usia 20an malah ada diantaranya semasa usia remaja mereka (PROSTAR n.d).

2.2 Komponen Pendidikan Seks

Menurut Smith et.al (2000), Pendidikan Seks terbahagi kepada tiga komponen penting iaitu pertama ialah daripada perspektif anatomik bilogi serta fisiologi. Kedua ialah komponen yang berkait rapat dengan reproduktiviti dan keluarga dan ketiga ialah daripada segi perhubungan interpersonal antara lelaki dan perempuan.